

**SOALAN-SOALAN LAZIM MENGENAI PEMBAHARUAN
ATAU PENGEMASKINIAN PADA APLIKASI BRUHEALTH**

(dikemasikini 3 Mac 2022)


1. Perintah Kuarantin Digital dan perkara-perkara berkaitan dengan Perintah Kuarantin
2. Ciri ART – Menghadapkan Keputusan ART
3. Ciri ART – Memohon Kit ART

1	Perintah Kuarantin Digital dan perkara-perkara berkaitan dengan Perintah Kuarantin
1.1	<p>Adakah Perintah Kuarantin Digital di dalam aplikasi BruHealth telah diberhentikan?</p> <p>Merujuk pada Sidang Media Kementerian Kesihatan pada 24 Februari 2022, Kementerian Kesihatan telah menghentikan pengeluaran Perintah Kuarantin Digital (<i>Digital Quarantine Order</i>) di aplikasi BruHealth bermula pada 24 Februari 2022. Perkara ini adalah bagi memudahkan peralihan kod BruHealth orang ramai untuk berubah dari warna ungu atau merah kepada warna hijau atau kuning. Orang ramai adalah dinasihatkan untuk memeriksa warna kod BruHealth masing-masing sebelum keluar rumah.</p>
1.2.	<p>Adakah ini bermakna bahawa Perintah Kuarantin tidak lagi dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan jika seseorang dikenakan Kod BruHealth berwarna Ungu atau Merah?</p> <p>Walaupun Perintah Kuarantin Digital diberhentikan dari aplikasi BruHealth, ini tidak bermakna arahan Perintah Kuarantin ditiadakan. Orang ramai yang dikenal pasti sebagai kes positif COVID-19 atau kontak terdekat yang dibenarkan untuk menjalani kuarantin di rumah masing-masing masih diarahkan untuk menjalani Perintah Kuarantin, mengikut protokol kesihatan yang ada pada masa ini. Bagi kes positif COVID-19 khususnya, mereka juga diberikan Notis Pengasingan Diri Di Rumah (<i>Home Isolation Notice</i>) melalui aplikasi BruHealth.</p>
1.3	<p>Apakah yang perlu saya buat jika saya sudah menamatkan tempoh kuarantin di rumah saya tetapi kod BruHealth saya masih belum berubah dari warna ungu atau merah ke warna kuning atau hijau?</p> <p>Jika kod BruHealth awda belum berubah menjadi kuning atau hijau setelah tamat tempoh kuarantin (iaitu keesokan hari setelah tamat tempoh kuarantin), awda boleh menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui mesej WhatsApp atau Telegram 7370095 untuk merayu penukaran kod.</p>

1.4	<p>Bagaimana cara untuk mendapatkan makanan yang biasanya boleh dipohonkan melalui aplikasi BruHealth di bawah ciri Perintah Kuarantin Digital?</p> <p>Memandangkan situasi jangkitan COVID-19 pada masa ini semakin meningkat, orang ramai yang dikenakan Perintah Kuarantin masih boleh memohon mendapatkan makanan melalui tiga kaedah:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Talian Darussalam 123; 2. Talian Nasihat Kesihatan 148; 3. Jika awda berkemampuan, awda disarankan untuk tidak memohon atau menunggu untuk makanan dihantar ke kediaman awda. Ini disebabkan peningkatan kes-kes jangkitan dan kontak terdekat yang melanda negara pada masa ini, yang mana telah memberi cabaran kepada pihak tertentu untuk memenuhi keperluan dan penghantaran makanan dalam masa yang singkat. Kerjasama orang ramai adalah dipohonkan untuk membenarkan permohonan makanan dibuat dan didahulukan kepada golongan yang kurang berkemampuan.
2	Ciri ART – Menghadapkan Keputusan ART
2.1	<p>Apakah tujuan Ciri ART di dalam aplikasi BruHealth?</p> <p>Ciri ART tersebut mempunyai dua tujuan iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Melapor keputusan ART bagi pesakit-pesakit positif COVID-19 dan kontak terdekat; dan 2. Memohon pembekalan kit ART.

2.2.	<p>Bagaimana cara untuk saya melapor keputusan ART saya, jika saya seorang kontak terdekat?</p> <ul style="list-style-type: none">• <u>Langkah pertama:</u> Setelah memasuki ciri ART, pilih ahli yang akan menghadapi keputusan ART.• <u>Langkah kedua:</u> Tekan pilihan “Melapor keputusan ART saya”.• <u>Langkah ketiga:</u> Nyatakan status awda sebagai seorang kontak terdekat.• <u>Langkah keempat:</u><ol style="list-style-type: none">I. Ambil atau muat naik gambar keputusan ART awda bagi Hari ke-1 atau Hari ke-5. Awda tidak boleh menghadapi keputusan bagi kedua-dua hari tersebut pada hari yang sama.II. Pastikan awda meletakkan ART awda berdekatan dengan barangan yang memaparkan waktu dan tarikh ujian ART awda, seperti surat khabar, jam tangan atau telefon bimbit yang menampakkan tarikh dan waktu.III. Awda juga perlu mencatat hari ke berapa ART diambil (Hari ke-1 atau Hari ke-5) di atas permukaan katrij ART awda dengan tulisan yang jelas.• <u>Langkah kelima:</u> Laporkan keputusan ART awda sama ada negatif, positif atau tidak sah.• <u>Langkah keenam:</u><ol style="list-style-type: none">I. Laporkan simptom yang awda hidapi 24 jam kebelakangan. Awda boleh melapor lebih dari satu simptom, jika ada. Pastikan awda mengesahkan semua maklumat awda sebelum menekan punat HANTAR.• <u>Langkah ketujuh:</u><ol style="list-style-type: none">I. Kod BruHealth awda akan berubah ke warna asal selepas awda menghadapi keputusan ART awda pada Hari ke-5. Awda boleh didiscaj jika kedua-dua keputusan ujian ART (Hari ke-1 dan Hari ke-5) adalah negatif, dan kod BruHealth awda akan berubah ke warna asal dalam masa 24 jam selepas Hari ke-5.II. Jika kod awda tidak berubah, awda boleh menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui mesej WhatsApp atau Telegram 7370095 untuk merayu penukaran kod.
------	---

2.3.	<p>Bagaimana cara untuk saya melapor keputusan ART saya, jika saya seorang pesakit yang disahkan COVID-19?</p> <ul style="list-style-type: none">• <u>Langkah pertama:</u> Setelah memasuki ciri ART, pilih ahli yang akan menghadapi keputusan ART.• <u>Langkah kedua:</u> Tekan pilihan “Melapor keputusan ART saya”.• <u>Langkah ketiga:</u> Nyatakan status awda sebagai seorang pesakit COVID-19 dengan menekan punat TIDAK dalam pilihan “Adakah awda kontak tedekat?”.• <u>Langkah keempat:</u><ol style="list-style-type: none">I. Ambil atau muat naik gambar keputusan ART awda bagi Hari ke-5 dan Hari ke-6 atau ke-7 (berasaskan kriteria discaj). Awda tidak boleh menghadapi keputusan bagi kedua-dua hari tersebut pada hari yang sama.II. Pastikan awda meletakkan ART awda berdekatan dengan barangan yang memaparkan waktu dan tarikh ujian ART awda, seperti surat khabar, jam tangan atau telefon bimbit yang menampakkan tarikh dan waktu.III. Awda juga perlu mencatat hari ke berapa ART diambil (Hari ke-5, Hari ke-6 atau Hari ke-7) di atas permukaan katrij ART awda dengan tulisan yang jelas.• <u>Langkah kelima:</u> Laporkan keputusan ART awda sama ada negatif, positif atau tidak sah.• <u>Langkah keenam:</u> Laporkan simptom yang awda hidapi 24 jam kebelakangan. Awda boleh melapor lebih dari satu simptom, jika ada. Pastikan awda mengesahkan semua maklumat awda sebelum menekan punat HANTAR.• <u>Langkah ketujuh:</u><ol style="list-style-type: none">I. Kod BruHealth awda akan berubah ke warna asal selepas awda menghadapi keputusan ART awda pada Hari ke-6 atau Hari ke-7, dan hanya jika kedua-dua keputusan ujian (hari ke-5 dan Hari ke-6 atau Hari Ke-7) adalah negatif. Kod BruHealth awda akan berubah ke warna asal dalam masa 24 jam selepas Hari ke-6 atau Hari ke-7. Jika ujian awda pada Hari ke-6 atau Hari ke-7 adalah positif, awda perlu meneruskan kuarantin awda hingga Hari ke-10, dan ujian ART tidak perlu dilakukan dan dihadapkan ke ciri ART BruHealth.
------	---

	<div style="text-align: center;">  </div> <p style="text-align: center;"> II. Jika kod awda tidak berubah, awda boleh menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui mesej WhatsApp atau Telegram 7370095 untuk merayu penukaran kod. </p>
2.4	<p>Bagaimana cara untuk saya melapor keputusan ART saya, jika saya ingin menjalankan ujian ART secara rambang, kemudian keputusan ART saya adalah positif?</p> <ul style="list-style-type: none"> • <u>Langkah pertama:</u> Setelah memasuki ciri ART, pilih ahli yang akan menghadapi keputusan ART. • <u>Langkah kedua:</u> Tekan pilihan “Melapor keputusan ART saya”. • <u>Langkah ketiga:</u> Tekan punat TIDAK dalam pilihan “Adakah awda kontak tedekat?”. • <u>Langkah keempat:</u> <ol style="list-style-type: none"> I. Ambil atau muat naik gambar keputusan ART awda yang positif. II. Pastikan awda meletakkan ART awda berdekatan dengan barangan yang memaparkan waktu dan tarikh ujian ART awda, seperti surat khabar, jam tangan atau telefon bimbit yang menampakkan tarikh dan waktu. • <u>Langkah kelima:</u> Laporkan keputusan ART awda sebagai positif. • <u>Langkah keenam:</u> Laporkan simptom yang awda hidapi 24 jam kebelakangan. Awda boleh melapor lebih dari satu simptom, jika ada. Pastikan awda mengesahkan semua maklumat awda sebelum menekan punat HANTAR. • <u>Langkah ketujuh:</u> <ol style="list-style-type: none"> I. Ulangi ujian ART kedua dalam masa 24 jam setelah ujian ART pertama dihadapkan ke Ciri ART. II. Hadapkan ujian ART ulangan ke dalam Ciri ART dengan melakukan semula langkah pertama hingga keenam di atas.


- Langkah kelapan:
 - I. Kod BruHealth awda akan berubah ke warna ungu jika kedua-dua keputusan ART awda adalah positif.
 - II. Apabila kod BruHealth awda berubah ke warna ungu, itulah Hari Pertama (Hari ke-1) awda.

- Langkah kesembilan:
 - I. Hadapkan keputusan ART awda bagi Hari ke-5 dan Hari ke-6 atau ke-7 (berdasarkan kriteria discaj). Awda tidak boleh menghadapkan keputusan bagi kedua-dua hari tersebut pada hari yang sama.
 - II. Pastikan awda meletakkan ART awda berdekatan dengan barangan yang memaparkan waktu dan tarikh ujian ART awda, seperti surat khabar, jam tangan atau telefon bimbit yang menampakkan tarikh dan waktu.
 - III. Awda juga perlu mencatat hari ke berapa ART diambil (Hari ke-5, Hari ke-6 atau Hari ke-7) di atas permukaan katrij ART awda dengan tulisan yang jelas.

- Langkah kesepuluh:
Laporkan keputusan ART awda sama ada negatif, positif atau tidak sah.

- Langkah kesebelas:
Laporkan simptom yang awda hidapi 24 jam kebelakangan. Awda boleh melapor lebih dari satu simptom, jika ada. Pastikan awda mengesahkan semua maklumat awda sebelum menekan punat HANTAR.

- Langkah kedua belas:
 - I. Kod BruHealth awda akan berubah ke warna asal selepas awda menghadapkan keputusan ART awda pada Hari ke-6 atau Hari ke-7, dan hanya jika kedua-dua keputusan ujian (hari ke-5 dan Hari ke-6 atau Hari Ke-7) adalah negatif. Kod BruHealth awda akan berubah ke warna asal dalam masa 24 jam selepas Hari ke-6 atau Hari ke-7. Jika ujian awda pada Hari ke-6 atau Hari ke-7 adalah positif, awda perlu meneruskan kuarantin awda hingga Hari ke-10, dan ujian ART tidak perlu dilakukan dan dihadapkan ke ciri ART BruHealth.



	<p>II. Jika kod awda tidak berubah, awda boleh menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui mesej WhatsApp atau Telegram 7370095 untuk merayu penukaran kod.</p>
2.5	<p>Sebelum ini, satu SMS akan dihantar dengan pautan untuk mengemaskini status kesihatan jika saya disahkan positif COVID-19. Pada masa ini, di manakah perlu saya melaporkan status kesihatan saya semasa menjalani pengasingan diri?</p> <p>Pada masa ini, SMS tersebut tidak lagi dikeluarkan memandangkan orang ramai sudah boleh memuat naik keputusan ART ke dalam Ciri ART, BruHealth. Oleh yang demikian, jika awda disahkan positif COVID-19, awda hanya perlu mengemaskini dan melaporkan status kesihatan awda di dalam Pelaporan Kendiri Harian (<i>Daily Self-Report</i>) BruHealth setiap hari sepanjang tempoh pengasingan diri awda.</p>
2.6	<p>Jika saya seorang kontak terdekat dan diperlukan untuk melapor keputusan ART ke dalam Ciri ART, perlukah saya melaporkan status kesihatan saya setiap hari di dalam BruHealth?</p> <p>Jika awda dikenal pasti sebagai kontak terdekat, awda hanya perlu mengemaskini dan melaporkan status kesihatan awda di dalam Pelaporan Kendiri Harian (<i>Daily Self-Report</i>) BruHealth sekali sahaja, iaitu semasa awda mengetahui awda adalah seorang kontak terdekat. Awda tidak perlu melaporkan status kesihatan awda setiap hari kerana dengan berbuat demikian akan menyebabkan kod merah BruHealth awda ditetapkan semula (<i>reset again</i>).</p>
2.7	<p>Adakah kod BruHealth saya boleh bertukar ke warna asal dengan sendirinya jika saya tidak melaporkan keputusan ART saya ke dalam Ciri ART, BruHealth?</p> <p>Kod BruHealth awda tidak akan berubah ke warna asal selagi keputusan ART tidak dilaporkan ke dalam Ciri ART, BruHealth.</p>
2.8	<p>Jika saya seorang kontak terdekat dan pada mulanya tidak mengalami sebarang simptom, namun sekiranya saya menghidap simptom pada Hari ke-3 dan didapati positif pada ujian ART, bolehkah saya melaporkan keputusan ART saya pada Hari ke-3 tersebut?</p> <p>Awda boleh melaporkan keputusan ART awda ke dalam Ciri ART, BruHealth pada bila-bila masa di sepanjang tempoh pengasingan diri awda. Pastikan awda meletakkan ART awda berdekatan dengan barangan yang memaparkan waktu dan tarikh ujian ART awda, seperti surat khabar, jam tangan atau telefon bimbit yang menampakkan tarikh dan waktu.</p>
2.9	<p>Apa yang boleh saya buat jika saya tidak mempunyai telefon bimbit untuk menggunakan aplikasi BruHealth dan menghadapi keputusan ART saya?</p> <p>Awda masih boleh menghadapi keputusan awda dengan memohon ahli keluarga awda untuk memuat naiknya dalam telefon bimbit mereka. Cara ini juga boleh digunapakai bagi kanak-kanak yang tidak memiliki telefon bimbit.</p>

2.10	<p>Perluakah saya mengemaskini (update) BruHealth saya untuk mengakses Ciri ART di dalam BruHealth?</p> <p>Tidak.</p>
2.11	<p>Bolehkah Ciri ART ini diakses melalui laman sesawang BruHealth?</p> <p>Pada masa ini, Ciri ART tidak dapat diakses melalui laman sesawang BruHealth. Ianya hanya boleh diakses melalui aplikasi BruHealth di dalam telefon bimbit.</p>
2.12	<p>Jika saya ingin melaporkan keputusan ART bagi ahli-ahli di dalam aplikasi BruHealth, perluakah saya melaporinya secara berasingan?</p> <p>Ya. Awda perlu melaporinya secara berasingan dan pastikan awda memilih nama ahli yang betul sebelum membuat sebarang pelaporan keputusan ART ke dalam Ciri ART. Awda perlu mengulangi langkah-langkah pelaporan ART bagi setiap ahli yang ingin dilaporkan.</p>

3	Ciri ART – Memohon Kit ART
3.1	<p>Bagaimana cara untuk saya memohon kit ART dari Ciri ART, BruHealth?</p> <ul style="list-style-type: none"> • <u>Langkah pertama:</u> Setelah memasuki ciri ART, pilih ahli yang akan memohon kit ART. • <u>Langkah kedua:</u> Tekan pilihan “Memohon Kit ART”. • <u>Langkah ketiga:</u> Nyatakan status awda sama ada seorang kes yang disahkan atau seorang kontak tedekat. • <u>Langkah keempat:</u> <ol style="list-style-type: none"> I. Isikan dan lengkapkan maklumat peribadi awda termasuk nombor Bru-HIMS; nombor telefon; alamat rumah dan sebagainya. II. Nyatakan jumlah orang yang memerlukan kit ART, termasuk pemohon sendiri. III. Nyatakan sama ada awda memerlukan oksimeter nadi atau tidak. • <u>Langkah kelima:</u> Pastikan awda mengesahkan semua maklumat awda sebelum menekan punat HANTAR.

3.2	<p>Berapa lamakah kit ART akan tiba ke kediaman saya selepas permohonan dibuat melalui Ciri ART?</p> <p>lanya berpandukan pada beberapa faktor termasuk:</p> <ol style="list-style-type: none">I. Prioriti pemohon akan dinilai. Kementerian Kesihatan akan memberikan prioriti pemberian kit ART kepada pesakit-pesakit COVID-19 terlebih dahulu.II. Jumlah kit ART yang dipohonkan dalam sehari yang mana perlu dihantar oleh syarikat-syarikat, agensi-agensi atau <i>runner</i> yang dilantik.III. Ketersediaan stok kit ART yang disimpan oleh Kementerian Kesihatan pada satu-satu masa.IV. Keadaan kesihatan kakitangan pengantar di syarikat-syarikat, agensi-agensi atau <i>runner</i> yang dilantik, contohnya jika ada yang dikenakan Perintah Kuarantin.V. Ketepatan maklumat alamat yang diberikan oleh pemohon kepada Kementerian Kesihatan.
3.3	<p>Siapakah yang boleh memohon kit ART melalui Ciri ART ini?</p> <p>Kit ART di dalam Ciri ART, BruHealth hanya boleh dipohonkan oleh pesakit yang disahkan positif dan kontak-kontak terdekat. Walau bagaimanapun, kontak-kontak terdekat adalah disarankan untuk menggunakan kit ART sendiri untuk mengelakkan dari kelambatan menghadapi keputusan ART ke dalam Ciri ART.</p>